

Tokoh pemimpin berkarisma

Oleh Rahmawati Nurdin
bhvarsiti@bharian.com.my

SIAPA sangka individu yang dulunya pemalu dan pendiam kini menjadi suara pemimpin mahasiswa yang cukup disegani di Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila menjawat jawatan Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Iqbal Ismat Nordin yang lebih mesra dengan panggilan Iqbal ialah mahasiswa tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia dan Pengurusan yang cukup berbangga dengan perubahan dirinya.

Anak sulung daripada empat beradik kelahiran Kuantan, Pahang itu turut menyimpan cita-cita sebagai Ketua Setiausaha Negara dan usahawan berjaya suatu masa nanti jika apa yang dilaluinya hari ini berjalan lancar.

"Ketika di bangku sekolah rendah dulu, saya antara pelajar yang pemalu dan agak pendiam, namun segala-galanya berubah sebaik melangkah ke sekolah menengah apabila sedikit demi sedikit saya berusaha mengikis sifat malu selain bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum seperti sukan dan kepimpinan.

"Saya sememangnya seorang yang berpandangan jauh ke hadapan dan mempunyai impian yang cukup tinggi sama seperti idola yang saya kagumi, Tun Dr Mahathir Mohamad bagi mengubah bangsa Malaysia menjadi bangsa yang disanjung di dunia.

"Saya ingin melihat rakyat Malaysia khususnya bangsa Melayu terus bersaing dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, sukan dan pendidikan di peringkat global, malah dijadikan contoh sebagai sebuah bangsa, negara yang disegani dan dihormati di serata dunia selain mampu membina tamadun baru dunia. Andai diberi peluang, saya ingin membangunkan Malaysia menjadi negara contoh tidak kira dari aspek agama, moraliti mahupun ketamadunan," katanya.

Selain sibuk menguruskan masalah mahasiswa, Iqbal juga aktif dalam bidang sukan

khususnya bola sepak dan pernah mewakili UPM dalam pertandingan liga bola sepak institusi pengajian tinggi.

Baginya, pembabitan dalam bidang kokurikulum dapat membina kemahiran insaniah mahasiswa yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa apabila tamat pengajian nanti.

Menggemari sukan lasak seperti mendaki tembok atau wall climbing dan mendaki gunung, Iqbal turut memikul tanggungjawab sebagai Presiden Kelab Wall Climbing UPM yang memberi peluang kepadanya membina kekuatan dan keyakinan diri menerusi aktiviti itu.

"Masa lapang saya banyak dihabiskan di tapak wall climbing bersama rakan dan saya seronok menjalankan aktiviti ini. Selain mencabar, pergerakannya menguji ketahanan fizikal dan mental. Saya juga dapat menilai keupayaan dan mengetahui kebolehan diri.

"Paling penting, kita perlu sabar dan berdisiplin kerana mereka dikehendaki berpaut dari satu tembok ke tembok lain. Jika silap langkah, kita akan jatuh. Saya sendiri pernah terjatuh dan tercedera ketika melakukan aktiviti ini, namun ia tidak mematahkan semangat untuk meneruskan aktiviti ini," katanya.

Beliau berkata, ramai menyangka aktiviti itu mudah, namun apabila mencuba didapati pergerakan itu memerlukan keberanian dan kepantasan.

Katanya, melihat orang lain mendaki nampak mudah, namun tidak semudah disangkakan kerana tanpa kekuatan tangan dan stamina yang tinggi, seseorang mudah penat dan gagal melakukan pendakian peringkat seterusnya.

"Pendakian memerlukan strategi yang betul. Bagi percubaan pertama, mereka hanya perlu mendaki pada tahap permulaan sebelum ke peringkat lebih sukar. Selain wall climbing, saya juga aktif memanjat gunung antaranya Gunung Irau, Gunung



PROFIL

IQBAL ISMAT NORDIN

Umur: 21 Tahun

Tarikh lahir: 28 September 1990

Hobi: Bersukan dan melakukan aktiviti lasak

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia dan Pengurusan UPM

Pencapaian: Yang Dipertua MPP UPM sesi 2012/2013

Presiden Kelab Wall Climbing UPM

Cita-cita: Ketua Setiausaha Negara dan Usahawan Berjaya

Brincang dan Gunung Pass Yellow di Cameron Highlands," katanya.

Biarpun memikul tanggungjawab besar sebagai pemimpin pelajar dan sibuk dengan aktiviti lain, Iqbal tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai mahasiswa.

Buktinya, beliau pernah beberapa kali meraih Anugerah Dekan peringkat fakultinya dan berazam mengekalkan momentum kecemerlangannya sehingga tamat pengajian.

"Saya tidak mempunyai sebarang resipi kejayaan, tapi apa yang saya amalkan selama ini ialah mengutamakan perkara yang paling penting terlebih dulu dalam melakukan setiap perkara. Sentiasa ikhlas dengan apa yang kita lakukan, insya-Allah akan dipermudahkan oleh Allah SWT," katanya.

